

# PM mahu gerai DBKL diperindah

44-24/12/2022 M/S: 2

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi tempoh tiga bulan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengemukakan laporan berhubung cadangan mengindahkan gerai penjaja di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Tegasnya, beliau mahu perkara itu dilaksanakan kerana tidak ingin PBT terbabit hanya memikirkan soal pembangunan gedung pencakar langit semata-mata.

“Saya ke DBKL dan saya kata, bersihkan, indahkan, (isu) pelancongan dan ekonomi, tetapi mesti ikut prinsip tatakelola dan paling utama, saya nak di Kuala Lumpur ini, tempat gerai itu diindahkan, jangan fikir gedung tinggi sahaja.

“Saya beritahu, (dalam) tiga bulan beri laporan kepada saya

macam mana nak buat. Jangan jawab tak boleh, orang tak ada, tempat tak ada, saya tidak terima, saya mahu jawapan,” katanya berucap pada Majlis Ilmu Perdana bersama Ahli Akademik dan Warga Institusi Pengajian Tinggi di Seri Perdana, Putrajaya malam kelmarin.

## Ada rakyat hidup daif

Beliau berkata, isu kedua yang dibangkitkannya dalam pertemuan dengan DBKL adalah soal perumahan.

“Perumahan seperti (flat) Sri Perlis (di Bandar Tun Razak) dah 40 tahun, satu bilik. Kita pacu pertumbuhan, cakap soal gedung dan boleh buat kota baharu di Putrajaya, tetapi rakyat kita, terutama yang miskin, majoriti Melayu, duduk dalam keadaan yang sangat daif.

“Jadi saya kata cari jalan, apakah dengan merobohkan dan ba-

ngunkan yang baharu?” katanya.

Kelmarin, Anwar mengadakan pertemuan dengan pengurusan tertinggi DBKL yang menjadi lawatan kerja pertamanya ke ibu pejabat PBT itu selepas dilantik sebagai Perdana Menteri di mana beliau mendengar taklimat serta penerangan mengenai pengurusan dan hal ehwal DBKL.

Selepas taklimat bersama pengurusan tertinggi DBKL, Perdana Menteri kemudian mengadakan pertemuan dengan Ahli Parlimen di Kuala Lumpur, juga secara tertutup.

Pertemuan itu turut dihadiri Menteri Komunikasi dan Digital yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil; Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh (Segambut) serta Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad (Setiawangsa).